

# Mutu P&P kayu ukur kecemerlangan

KEPALA BATAS 16 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mutu pembelajaran dan pengajaran (P&P) menjadi kayu ukur kecemerlangan pelajar khususnya dari luar bandar dalam peperiksaan-peperiksaan utama.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan perkembangan terkini, kelemahan dan kemajuan pelajar dalam akademik banyak bergantung kepada kualiti P&P yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

“Apabila pelajar dapat membuktikan pencapaian mereka dengan keputusan terbaik, ini menjadi satu bukti bahawa P&P yang diberikan berhasil.

“P&P memberi harapan kepada mereka bahawa mereka sama kuat untuk cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Ma-

laysia (SPM),” katanya.

Beliau berucap pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan SPM 2006 Sekolah-Sekolah Parlimen Kepala Batas di sini, hari ini.

Abdullah berkata, kecemerlangan pelajar di semua peringkat pendidikan memberikan petanda baik kepada bangsa dan negara.

“Kita mahu bangun negara maju menjelang tahun 2020, jadi mereka yang cemerlang ini akan memimpin negara kelak.

“Kita dapat melahirkan pembuat keputusan yang bermutu kelak seterusnya menjamin kualiti tindakan yang baik sebelum membawa banyak faedah kepada negara,” jelas beliau.

Um - 17/3/2007  
Beliau menjelaskan, era pasca 2020 akan diterajui golongan muda cemerlang hari ini dan seharusnya mereka berpelajaran, bermutu, berbudi pekerti, sihat dan ceria.

“Ini modal insan yang akan menjadi modal bangsa, jadi usaha semua seperti GPMIS (Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung) hari ini yang membantu memberi pendidikan kepada para pelajar adalah sangat relevan.

“Ia perlu diteruskan sebagai mencapai matlamat jangka panjang, sekarang pun telah nampak hasilnya,” tegas beliau.

Kata beliau, jika usaha seperti itu diteruskan dan menjadi keutamaan, bangsa akan menjadi maju pada masa depan.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, kecemerlangan para pelajar itu mendapat ba-

nyak sokongan dan dorongan guru dan ibu bapa.

Beliau mengucapkan penghargaan kepada para pendidik berikutan mampu melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dalam mendidik pelajar mencapai kecemerlangan.

Katanya, tanpa pengorbanan guru, para pelajar terbabit tidak mungkin dapat mencapai kegemilangan dalam akademik.

“Saya juga nak ucapkan tahniah kepada ibu bapa yang berjaya mendidik anak masing-masing dengan kejayaan mewujudkan suasana dan pengaruh di rumah yang baik, prihatin dengan perkembangan pelajaran anak, memberi bimbingan serta nasihat yang menyumbang kepada kejayaan mereka,” ujar beliau.